



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). Unsur-unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu di Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 54–70. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.4>

UNSUR-UNSUR SEJARAH DALAM CERITA RAKYAT MELAYU DI MALAYSIA

(Historical Elements in Malay Folklores in Malaysia)

¹Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & ²Mohd Firdaus Che Yaacob

^{1&2}Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan

¹Corresponding author: firdaus.cy@umk.edu.my

Received: 31/1/2023

Revised: 9/6/2023

Accepted: 26/6/2023

Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Cerita rakyat Melayu merupakan bukti keunggulan masyarakat Melayu dalam menghasilkan karya yang kreatif dan berguna. Namun begitu, masih terdapat segelintir masyarakat yang beranggapan cerita rakyat hanyalah dongeng semata-mata dan tidak memberi sebarang nilai positif. Walhal, sekiranya cerita rakyat dikaji secara mendalam sememangnya mengandungi nilai dan unsur sejarah yang boleh dijadikan teladan. Cerita rakyat Melayu diselitkan dengan unsur sejarah yang mengandungi mesej positif dan mampu mendorong pembentukan jati diri kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur sejarah yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu dalam konteks pembentukan jati diri kanak-kanak. Rentetan itu, kajian ini melakukan penelitian terhadap aspek unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan yang berpotensi untuk membentuk jati diri golongan kanak-kanak. Selanjutnya, deduktif kajian ini ialah salah satu prinsip Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya untuk menghuraikan analisis dengan lebih jelas. Selain itu, metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan lapangan yang dilakukan di daerah Tumpat, Kelantan digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data yang tepat. Akhir sekali, kajian ini mendapati unsur sejarah yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok terbukti dapat dijadikan sebagai medium untuk membentuk jati diri golongan kanak-kanak.

Kata kunci: Cerita Rakyat Melayu, Kanak-Kanak, Unsur Sejarah, Takmilah.

ABSTRACT

Malay folklore is a proof of the excellence of the Malay community in producing creative and useful works. However, there are still a few people who think that folklore is just a fairy tale and does not give any positive value. However, if folklore is studied in depth, it indeed contains historical values and elements that can be used as an example. Malay folklore is infused with historical elements that contain positive messages and are able to encourage the formation of children's identity. Malay folklore is interspersed with historical elements that contain a positive message and are able to encourage the formation of children's identity. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the historical elements found in Malay folklore in the context of the formation of children's identity. As a result, this study examines the aspects of historical elements in Malay folklore in Bachok, Kelantan that have the potential to shape the identity of children. Furthermore, the deductive of this study is one of the principles of Takmilah which is the principle of audience relationship with the work to describe the analysis more clearly. In addition, a qualitative approach involving library and field methods is used to obtain accurate information and data. In addition, the research methodology uses a qualitative approach involving library and field methods carried out in Tumpat district, Kelantan to obtain accurate information and data. Finally, this study found that the historical elements contained in the Malay folklore in Bachok proved to be used as a medium to form the identity of children.

Keywords: Malay Folklore, Children, Historical Element, Takmilah.

PENGENALAN

Cerita rakyat Melayu yang juga dikenali sebagai sastera rakyat merupakan salah satu karya sastera yang unggul disampaikan secara lisan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Menurut Mohd Taib Osman (1976), cerita rakyat Melayu merupakan merupakan sastera milik masyarakat Melayu yang diperturunkan dari generasi terdahulu hingga ke generasi terkini. Tambahan lagi, cerita rakyat berperanan sebagai panduan, nilai dan pengajaran yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu zaman lampau bersama nilai kreativiti yang dimiliki oleh mereka. Selain itu, cerita lisan Melayu merupakan salah satu karya sastera yang kreatif dihasilkan oleh masyarakat Melayu desa sebagai alat hiburan dalam kalangan masyarakat (Fatimah Md Yasin, 1990). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), yang mana cerita rakyat Melayu juga dilahirkan oleh masyarakat dan dikenali sebagai kesusasteraan rakyat, dan dengan erti kata lain sastera daerah yang disebarkan oleh etnik dan kelompok tertentu dalam kaum masing-masing serta kaya dengan nilai-nilai positif. Hal ini jelas menunjukkan cerita rakyat Melayu merupakan gambaran budaya dan cara hidup mereka pada suatu masa dahulu dan sebahagian besar masih diamalkan sehingga ke hari ini.

Di samping itu, cerita rakyat Melayu juga mengandungi unsur sejarah yang tidak terkira dalam setiap cerita. Menurut Zahir Ahmad (2005) unsur sejarah dalam karya sastera berfungsi sebagai wadah untuk menyampaikan nasihat, pengajaran, panduan dan petunjuk kepada masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh Rosliah Kiting (2013) yang menyatakan bahawa

unsur sejarah dalam sesebuah karya sastera mengandungi unsur-unsur peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku pada zaman lampau. Hal ini juga berkait rapat dengan gambaran kebudayaan masyarakat dari segi adat istiadat, ekonomi, politik dan struktur pemerintahan dalam karya sastera sejarah adalah merupakan peristiwa sejarah sebenar yang berlaku pada zaman lampau. Hal ini menunjukkan unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu merupakan olahan dan susunan peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah berlaku di dalam sebuah cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara untuk disampaikan kepada masyarakat. Di samping itu, unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu juga mengandungi nilai positif sebagai nasihat dan panduan kepada masyarakat Melayu. Rentetan itu, unsur sejarah yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu sememangnya boleh dijadikan panduan kepada pembentukan jati diri kanak-kanak terutamanya. Hal ini diperkatakan dalam konteks nilai positif yang diterapkan ke dalam unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian bersifat akademik harus dijalankan bagi memperlihatkan unsur sejarah yang mengandungi nilai positif untuk dijadikan panduan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sejumlah kajian lepas dikumpul dan diteliti secara mendalam agar dapat mengenal pasti kelompongan kajian lepas. Hal ini bertujuan untuk melancarkan proses kajian ini supaya tidak berlaku sebarang unsur plagiat atau pertindihan aspek kajian. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat sejumlah kajian lepas yang berkaitan dengan cerita rakyat dikaji daripada pelbagai sudut, aspek dan teori.

Antara kajian lepas yang dimaksudkan termasuklah kajian bertemakan cerita rakyat Melayu yang bertajuk Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional oleh Norazimah Zakaria et al., (2019). Kajian ini mengutarakan aspek mitos mencerminkan pemikiran masyarakat. Selain itu, kajian ini menggunakan teks hikayat dalam tradisi kesusasteraan Melayu seperti Hikayat Merong Mahawangsa dan cerita lisan yang terdapat Cerita Rakyat Malaysia (2008) sebagai bahan kajian. Seterusnya, cerita rakyat tersebut akan dianalisis menggunakan pendekatan sosiologi sastera oleh Plummer (1997). Unsur mitos yang digariskan dalam kajian ini ialah mitos Merong Mahawangsa yang dikatakan berketurunan dewa, puteri dari kayangan dan kehidupan di dasar laut. Hasil kajian mendapati bahawa fungsi mitos adalah merupakan sebuah jawapan atau landasan kepada masyarakat mengenai peristiwa lampau dan berfungsi untuk meninggikan martabat diraja.

Selanjutnya, kajian yang bertajuk Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Kajian ini menghuraikan aspek nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu yang mendorong pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks bagi mendapatkan maklumat. Tambahan lagi, teori Takmilah digunakan sebagai deduktif kajian ini bagi menghasilkan analisis yang relevan. Antara nilai-nilai Islam yang dikaji adalah nilai merendah diri, nilai tawakal, dan nilai bersyukur. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya mengandungi nilai-nilai Islam yang dapat dijadikan panduan terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu.

Selain itu, kajian yang bertajuk Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Kajian ini menjelaskan tentang aspek akal budi yang menggambarkan pemikiran orang Melayu berdasarkan tingkah laku mereka. Sehubungan itu, kajian ini berpaksikan objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Seterusnya, kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan tersusun. Pendekatan kemasyarakatan yang terkandung dalam teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam kajian ini sebagai deduktif bagi mendapatkan analisis kajian yang mantap. Akal budi seperti iaitu rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas dihuraikan dalam kajian ini berdasarkan naratif lisan penduduk Kota Bharu, Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa naratif lisan yang dikaji mengandungi unsur akal yang sekali gus menggambarkan pemikiran orang Melayu yang unggul.

Tambahan lagi, kajian yang bertajuk Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Satu Analisis Semantik Inkuisitif oleh Nur Ezatull Fadteheh Hedel (2020). Kajian ini memperlihatkan mengenai peristiwa-peristiwa aneh yang terdapat di dalam cerita rakyat yang bertajuk Hikayat Nakhoda Muda. Rentetan itu, kajian ini berpandukan objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis peristiwa aneh dalam cerita rakyat. Selain itu, metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan melibatkan kajian teks dan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif serta pendekatan rangka rujuk silang bagi mendapatkan analisis yang jitu. Antara peristiwa aneh yang berhasil dikeluarkan termasuklah penggunaan payung di dalam hutan, pokok langsung tidak dimakan manusia dan jambatan yang dibuat oleh monyet. Akhir sekali, hasil kajian mendapati terdapat beberapa peristiwa aneh dan sebab musabab berlakunya peristiwa tersebut yang digarapkan dalam Hikayat Nakhoda Muda.

Seterusnya, kajian lepas yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) bertajuk Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini mengutarakan aspek nilai murni dalam cerita lagenda. Dalam pada itu, kajian ini berpandukan objektif untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kaedah kepustakaan, lapangan berbentuk temu bual, dan analisis kajian. Pada masa yang sama, konsep rohani dalam Falsafah Pendidikan negara dijadikan deduktif kajian sebagai landasan untuk menghasilkan huraian analisis yang jitu dan relevan. Kajian ini mengetengahkan nilai-nilai murni seperti baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati dan kasih sayang dalam cerita lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Dapatan kajian menghasilkan penemuan kepada nilai-nilai murni dalam cerita lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang sesuai dijadikan panduan dan ikutan kepada masyarakat Melayu.

Tambahan lagi, sebuah lagi kajian akademik bertemakan cerita rakyat yang bertajuk Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini mengutarakan aspek nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat terhadap pembentukan sahsiah diri dan akhlak manusia. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu dalam teks Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia. Di samping itu, reka bentuk kajian

ini ialah kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Tambahan lagi, pengaplikasian pendekatan karya dan khalayak yang terkandung dalam Teori Takmilah digunakan sebagai deduktif kajian untuk memantapkan analisis dan dapatan kajian. Nilai-nilai Islam yang berhasil ditemukan dalam cerita lisan Melayu ialah nilai taat, pemaaf, bersyukur dan percaya kepada Allah SWT. Hasil kajian mendapati bahawa cerita lisan Melayu mengandungi nilai-nilai Islam yang berpotensi untuk mendidik masyarakat memperbaiki akhlak dan sahsiah diri secara berterusan agar menjadi sebuah masyarakat yang hebat.

Selanjutnya, sebuah kajian bertajuk *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* oleh Noorzatulhidayah Mohd Hanipah et al., (2021). Kajian ini menekankan aspek ritual dalam cerita rakyat di Mukim Bebar, Pahang. Maka dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan membincangkan aspek ritual yang terkandung dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan teori Fungsionalisme sebagai landasan bagi memantapkan bahagian analisis kajian. Selanjutnya, metodologi kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan kajian kerja lapangan iaitu kaedah temu bual berstruktur. Terdapat beberapa ritual yang digariskan dalam kajian ini seperti ritual mandi Safar, nyimoh pantai dan manusia berkembar mengkarung ekor bercabang dua merupakan budaya yang diamalkan oleh masyarakat di Mukim Bebar Pekan, Pahang suatu ketika dahulu. Akhir sekali, hasil kajian mendapati ritual yang terdapat dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang mempunyai hubung kait yang rapat dengan kebudayaan masyarakat Melayu dan masih diamalkan dalam kehidupan.

PENYATAAN MASALAH

Penyataan masalah wujud berpunca daripada kelompongan kajian lepas yang masih belum menyentuh aspek kajian ini secara menyeluruh. Hal ini bersangkut-paut dengan aspek kajian lepas yang melibatkan tunjang utama kajian, teori, dan pendekatan yang digunakan oleh para pengaji lepas. Antara kajian yang telah diteliti termasuklah kajian yang bertajuk *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* oleh Norazimah Zakaria et al., (2019), *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Satu Analisis Semantik Inkuisitif* oleh Nur Ezatull Fadteheh Hedel (2020), *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dan *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* oleh Noorzatulhidayah Mohd Hanipah et al., (2021). Berdasarkan kepada sejumlah kajian lepas yang diteliti, pengkaji mendapati bahawa aspek unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu masih belum dikaji secara holistik.

Selain itu, pengaplikasian teori Takmilah menerusi prinsip hubungan khalayak dengan karya terhadap cerita rakyat Melayu juga tidak disentuh secara menyeluruh oleh pengkaji-pengkaji lepas. Di samping itu, kajian mengenai hubungan unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak juga masih belum dikaji secara komprehensif.

Sebagai lanjutan daripada itu, sebuah kajian baharu yang menghuraikan secara terperinci berkaitan unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak dan menjadikan prinsip Takmilah sebagai deduktif wajar dilakukan. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharap dapat memberi nilai tambah kepada dunia pengkajian sastera dan membuka minda masyarakat mengenai keunggulan cerita rakyat Melayu sekali gus mengangkatnya ke peringkat yang lebih tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pencarian terhadap sumber dan maklumat bertulis mengenai cerita rakyat dan aspek kajian. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah berkunjung ke perpustakaan dengan tujuan untuk mengumpul data mengenai kajian cerita rakyat Melayu, unsur sejarah dan teori Takmilah. Antara perpustakaan yang dikunjungi termasuklah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur untuk mendapatkan jurnal sastera, kertas kerja, kertas seminar, buku-buku dan tesis-tesis para sarjana untuk diteliti.

Sehubungan dengan itu, kaedah temu bual dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan cerita rakyat di daerah Bachok, Kelantan. Pengkaji menjalankan kaedah temu bual dengan mengemukakan beberapa soalan yang bersesuaian kepada penglipur lara semasa proses menemu bual. Sehubungan dengan itu, soalan-soalan yang diajukan berdasarkan cara penceritaan oleh penglipur lara tersebut bertujuan untuk mengelakkan proses temu bual tersebut tidak terpesong daripada matlamat kajian selain mendorong penglipur lara supaya bercerita mengenai cerita rakyat Melayu. Selain itu, setiap soalan temu bual disampaikan dengan cara santai dan tidak formal bagi memberi keselesaan kepada penglipur lara.

Selain itu, pengkaji juga melakukan rakaman video dan audio sepanjang proses penceritaan dijalankan oleh penglipur lara. Proses rakaman dilakukan dengan menggunakan alat bantuan kajian iaitu peralatan mudah alih seperti telefon pintar dan tablet. Sehubungan dengan itu, tujuan rakaman ini bertujuan untuk dijadikan bukti dan simpanan serta sebagai rujukan kepada pengkaji untuk dirujuk pada masa hadapan dan dalam proses penganalisan. Sebagai rumusannya, kaedah temu bual melibatkan proses-proses tertentu yang sangat penting bagi memberi kelancaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

TATACARA PENYELIDIKAN CERITA RAKYAT DI BACHOK, KELANTAN

Kajian ini mengaplikasikan kerangka utama kajian *folklore* yang diilhamkan oleh Dundes (1965) digunakan oleh pengkaji sebagai panduan melalui peringkat-peringkat yang telah termaktub di dalamnya. Dalam pada itu, kerangka ini mengandungi tiga peringkat penting iaitu peringkat pertama pengenalpastian, peringkat kedua pengumpulan data dan peringkat akhir iaitu analisis untuk dilaksanakan supaya kajian ini dihasilkan secara teratur.

Peringkat pertama iaitu pengenalpastian dilaksanakan oleh pengkaji dengan pergi ke kawasan daerah Bachok, tepatnya di Kampung Rusa bagi meninjau dan mengenal pasti individu yang berpotensi untuk menjadi penglipur lara. Dalam pada itu, pengkaji berjumpa dan berbincang

dengan penghulu kampung tersebut untuk bertanya tentang individu-individu yang berpengalaman dan mengetahui tentang sejarah kampung tersebut. Setelah itu, pengkaji berhasil memperoleh beberapa orang penduduk kampung berdasarkan nama yang dicadangkan oleh penghulu kampung. Setiap penduduk kampung yang dipilih untuk dijadikan sebagai penglipur lara mempunyai potensi dan mempunyai kemahiran untuk bercerita selain mereka juga merupakan anak jati kampung tersebut. Antara penduduk kampung yang terpilih termasuklah Mohd Rawi Jusoh. Justifikasi beliau dipilih kerana dilihat mempunyai kemahiran bercerita dan merupakan anak jati kampung tersebut. Oleh itu, pengkaji telah berhasil menjalankan peringkat pertama dengan jayanya setelah dapat mengenal pasti seorang penglipur lara dari Kampung Rusa.

Seterusnya, pengkaji menjalankan peringkat kedua iaitu peringkat pengumpulan data melibatkan proses menetapkan tarikh temu janji dan perbincangan bersama penglipur lara secara tidak formal ketika proses pengenalpastian dilakukan. Lain daripada itu, pengkaji berkunjung ke rumah penglipur lara iaitu Mohd Rawi Jusoh untuk menjalankan proses temu bual. Proses menemu bual dijalankan dengan mengajukan beberapa soalan yang berkait rapat cerita rakyat Melayu kepada penglipur lara. Sebagai contohnya, soalan seperti persoalan mengenai sejarah kampung, kisah-kisah mitos, pantang-larang dan asal-usul kejadian alam yang terdapat di kampung berkenaan. Setelah proses temu ramah dilaksanakan, pengkaji berhasil mendapatkan sejumlah cerita rakyat Melayu daripada penglipur lara di Kampung Rusa. Justeru, peringkat ini dilaksanakan oleh pengkaji bagi memastikan data yang dikumpul dapat memberi huraian yang mantap dalam peringkat analisis.

Selanjutnya, peringkat yang ketiga dijalankan oleh pengkaji iaitu peringkat analisis. Peringkat ini dijalankan bagi menghasilkan sebuah kajian yang tepat dan relevan berpaksikan kerangka *folklore*. Sehubungan dengan itu, setiap cerita rakyat Melayu yang diperolehi dianalisis secara kualitatif berpandukan objektif untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak. Di samping itu, peringkat analisis dijalankan dengan mengaplikasikan salah satu prinsip dalam teori Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya bagi mendapatkan huraian yang jitu dan mapan. Justifikasinya, prinsip ini dipilih untuk memperlihatkan hubungan di antara unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan dengan pembentukan jati diri golongan kanak-kanak. Oleh itu, peringkat analisis amat penting dilakukan kerana dapat memberikan penjelasan kepada khalayak.

Teori Takmilah

Kajian ini memperincikan tentang teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini merupakan satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid dan nilai keislaman. Menurut Shafei Abu Bakar (1996), 'takmilah' ialah istilah yang berkait rapat dengan sifat Kamal Allah yang bererti sempurna. Melalui kata dasar sempurna ini telah lahir perkataan 'takmilah' yakni menyempurnakan. Justeru, melalui perkataan ini menunjukkan bahawa karya yang dikaji menggunakan teori Takmilah ia menjadi sempurna lagi menyempurnakan. Menurut Shafie Abu Bakar (1997), pada tahun 1996, Shafei Abu Bakar telah memperhalusi dan memantapkan lagi teori Takmilah dengan mengutarakan 7 prinsip. Prinsip-prinsip tersebut termasuklah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip

kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Islam yang bersifat Akmal, prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Prinsip Hubungan Karya Dengan Khalayak

Prinsip hubungan khalayak dengan sastera merupakan suatu hubungan rapat antara satu sama lain yang memperincikan tentang pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Shafei Abu Bakar, 1997). Prinsip ini menekankan pengkarya seharusnya menerapkan unsur pendidikan dalam sesebuah karya supaya memberi kesan positif dan kesedaran kepada pembaca. Kajian ini memilih prinsip ini sebagai deduktif kajian bagi memantapkan lagi huraian di bahagian analisis kajian. Perkaitan di antara kedua-dua aspek tersebut adalah amat jelas di mana unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan mengandungi nilai positif dan sesuai dijadikan pendorong kepada pembentukan jati diri kanak-kanak. Oleh itu, pemilihan prinsip ini tepat berdasarkan kriteria-kriteria yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar dan matlamat kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Unsur sejarah yang terkandung dalam cerita rakyat di Bachok, Kelantan didapati mengandungi nilai positif yang dapat mendorong pembentukan jati diri kanak-kanak diperincikan melalui huraian analisis secara sistematik dan memberi kefahaman kepada khalayak. Sehubungan dengan itu, unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan mengandungi nilai positif dapat dilihat melalui petikan-petikan yang dibahaskan dalam bahagian analisis. Antara nilai positif yang terkandung dalam unsur sejarah tersebut termasuklah nilai bertanggungjawab, merendah diri, beriman, berani dan belas kasihan. Sementara itu, cerita rakyat di Bachok, Kelantan yang diperincikan termasuklah Asal Usul Nama Kelantan, Asal Usul Melawi, Perkembangan Ilmu Islam di Kelantan, Pembunuhan Raja Abdullah dan Pendudukan Jepun di Bukit Marak.

Unsur Sejarah Yang Mengandungi Nilai Bertanggungjawab

Menurut Hashim Musa (2008), nilai bertanggungjawab adalah tugas yang dipikul oleh seseorang dan dilakukan dengan penuh komited, bersungguh-sungguh dan bersemangat bagi menghasilkan tugas yang sempurna. Selanjutnya, Kamus Dewan (2016) mentakrifkan bahawa bertanggungjawab merupakan bertanggungjawab ke atas sesuatu, berkewajiban dan memikul tanggungjawab. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), tanggungjawab adalah seseorang yang melakukan sesuatu perkara yang disuruh oleh orang lain dengan penuh komited. Hal ini dapat dirumuskan bahawa nilai bertanggungjawab merupakan nilai yang penting untuk diamalkan oleh seseorang dalam melakukan sesuatu kerja supaya dapat melatih diri untuk menyempurnakan setiap pekerjaan. Nilai bertanggungjawab dapat diperhatikan dalam cerita rakyat Melayu bertajuk Asal Usul Nama Kelantan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Cik Siti Wan Kembang memerintah dengan membangunkan ekonomi serta kestabilan politik negeri itu. Negeri itu kian membangun dengan adanya kredibiliti seorang pemerintah biarpun baginda adalah seorang wanita. Kebijaksanaan baginda dalam mengatur strategi peperangan juga dikagumi oleh para pembesar dan rakyat jelata. Maka, rakyat negeri itu hidup dalam keadaan aman dan damai tanpa perlu merasa takut kerana mereka percaya dengan kebolehan pemerintah mereka. Para musuh pada ketika itu juga merasakan gerun untuk berdepan dengan negeri Cik Siti Wan Kembang sewaktu peperangan” (Mohd Rawi Jusoh, 2020).

Penglipur lara membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu bertajuk Asal Usul Nama Kelantan menerapkan nilai bertanggungjawab dalam konteks tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Hal ini merujuk kepada watak Cik Siti Wan Kembang yang melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin negeri Kelantan dengan penuh tanggungjawab. Sebagai contohnya, Cik Siti Wan Kembang dikisahkan sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab dalam membangunkan negerinya supaya sentiasa berada pada tahap yang optimum. Selain itu, baginda juga dikatakan bijaksana dalam mengatur strategi peperangan dan membuatkan para musuh berasa gerun untuk berhadapan dengan Cik Siti Wan Kembang. Bersangkutan dengan hal itu, rakyat jelata dapat hidup dalam keadaan aman dan sentosa dalam negeri di bawah naungan pemimpin yang bertanggungjawab iaitu Cik Siti Wan Kembang. Jadi, nilai bertanggungjawab sebagai seorang pemimpin digambarkan dengan jelas menerusi kisah Cik Siti Wan Kembang menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemimpin negeri Kelantan.

Hal ini sejajar dengan pernyataan tokoh mengenai nilai bertanggungjawab iaitu Hashim Musa (2008) yang berpendapat nilai bertanggungjawab adalah seseorang yang komited dan memberi komitmen yang padu dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Hal ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang berpandangan bahawa nilai bertanggungjawab merupakan rasa komited dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu perkara yang telah digalasnya. Berdasarkan pendapat para ilmuwan, dapat disimpulkan bahawa nilai bertanggungjawab adalah salah satu nilai yang perlu ada pada setiap pemimpin supaya dapat memimpin dan menguruskan hal ehwal negara dengan penuh rasa tanggungjawab.

Lanjutan daripada itu, unsur sejarah dalam karya sastera merupakan gambaran dari segi adat istiadat, ekonomi, politik dan struktur pemerintahan masyarakat pada zaman dahulu kala (Rosliah Kitting, 2013). Hal ini dapat dilihat melalui cerita Asal Usul Nama Kelantan yang mengisahkan tentang sejarah tercetusnya nama Kelantan melalui penceritaan susur galur watak pemimpin iaitu Cik Siti Wan Kembang. Selain itu, sejarah mengenai nama Kelantan juga mengandungi nasihat seperti nilai bertanggungjawab yang digambarkan melalui watak Cik Siti Wan Kembang untuk dijadikan ikutan kepada khalayak khususnya golongan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, nilai bertanggungjawab yang terkandung dalam unsur sejarah melalui cerita ini dapat dijadikan pendorong kepada pembentukan jati diri kanak-kanak.

Pada masa yang sama, salah satu prinsip dalam teori Takmilah iaitu khalayak dengan sastera yang berkonsepkan pengarang haruslah menerapkan unsur pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Shafie Abu Bakar, 1997). Hal ini dapat dilihat dalam cerita rakyat Melayu ini yang menggarap nilai bertanggungjawab sebagai seorang pemimpin.

contohnya, cerita rakyat Melayu ini menceritakan mengenai Cik Siti Wan Kembang yang bertanggungjawab dalam menguruskan negara dan rakyat menggunakan kredibiliti dan kebijaksanaannya yang tersendiri. Hal ini memberi pendidikan kepada khalayak terutama kanak mengenai kepentingan nilai bertanggungjawab dalam membentuk jati diri yang kukuh. Oleh itu, cerita rakyat Melayu ini mencapai tuntutan dalam gagasan prinsip Takmilah ini iaitu memberi pendidikan, mengajak ke arah kebaikan dan kesedaran kepada khalayak.

Unsur Sejarah Yang Mengandungi Nilai Merendah Diri

Menurut Achmad D. Marimba (1981) rendah diri berasal daripada perkataan “tawadhu” yang membawa maksud sifat merendahkan hati kepada sesuatu yang diagungkan. Selain itu, nilai merendah diri merupakan sikap yang tidak berlebihan dalam menjalani kehidupan menerusi perbuatan, pertuturan dan pemikiran (Jumali Selamat, 2001). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa nilai merendah diri sebuah nilai yang mengajar manusia untuk bersikap sederhana dan tidak sombong dalam kehidupan supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati dan berakhlak mulia di antara satu sama lain. Berdasarkan pendapat tokoh di atas, dapat disimpulkan bahawa nilai merendah amat penting dalam kehidupan masyarakat bukan sahaja golongan desa, bahkan seluruh lapisan masyarakat bagi mengelakkan terjadinya perkara yang tidak diinginkan sesama anggota masyarakat. Nilai merendah diri dapat dilihat melalui cerita rakyat yang bertajuk Asal Usul Melawi. Hal ini dapat diperincikan melalui petikan berikut:

“Tok Wi membina sebuah pondok kecil berupa bangsal bagi tempat dia beristirahat. Di situlah tempat Tok Wi berehat melepaskan penat seharian dan melelapkan mata pada malam hari. Sekitar tahun 1956 atau 1965, seorang lelaki mengayuh basikal tua dari Jelawat ingin meminta pelepas daripada Tok Wi yang dikatakan hebat dalam ilmu sebegini. Hal ini kerana ramai yang telah datang untuk meminta air tawar untuk mereka. Namun ramai yang datang kepadanya untuk meminta pertolongan dari segi perubatan. Tok Wi mempunyai peribadi yang ramah dan disenangi oleh orang kampung. Sikap Ehsan dalam diri Tok Wi menyebabkan dia membantu tanpa mengharap balasan.” (Mohd Rawi Jusoh, 2020).

Berdasarkan petikan, nilai merendah diri jelas diperlihatkan dalam cerita rakyat yang bertajuk Asal Usul Melawi. Hal ini bersangkutan-paut dengan watak Tok Wi yang sentiasa merendah diri dalam kehidupannya dengan orang di sekelilingnya. Tamsilnya, Tok Wi yang terkenal dengan kemahirannya mengubati setiap penyakit yang dialami oleh penduduk kampung tidak berasa sombong dengan kelebihan yang dimilikinya. Di samping itu, beliau diceritakan seorang yang peramah dan sentiasa disenangi oleh penduduk kampung. Tambahan lagi, nilai merendah diri diserlahkan lagi dengan sikap Tok Wi yang tidak mengharap sebarang ganjaran daripada penduduk setelah mengubati mereka. Oleh hal yang demikian, cerita rakyat Melayu ini berhasil menyerlahkan nilai merendah diri melalui kisah Tok Wi yang berhati mulia.

Hal ini bertepatan dengan pandangan daripada Jumali Selamat (2001) iaitu nilai merendah diri adalah seseorang yang bersikap sederhana walaupun dirinya memiliki pelbagai kelebihan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa nilai merendah diri adalah seseorang yang berakhlak mulia dan sentiasa menghormati orang di sekelilingnya. Berdasarkan pandangan para cendekiawan, nilai merendah diri dapat

disimpulkan bahawa nilai yang mulia dalam diri seseorang supaya sentiasa merendahkan hati dan menghormati orang lain walaupun berada di tahap yang tinggi.

Menurut Rosliah Kitting (2013) unsur sejarah sastera sejarah berfungsi sebagai wadah untuk menyampaikan nasihat, pengajaran, panduan dan ikutan kepada golongan masyarakat akan datang. Hal ini berkait rapat dengan cerita Asal Usul Melawi yang menceritakan sejarah mengenai terbentuknya nama Melawi pada ketika itu bersempena nama tokoh iaitu Tok Wi yang terkenal dengan kehebatan mengubati penyakit penduduk kampung. Pada waktu yang sama, unsur sejarah mengenai Tok Wi juga diselitkan dengan nilai positif seperti nilai merendah diri untuk dijadikan sebagai wadah menyampaikan nasihat kepada masyarakat terutama golongan kanak-kanak. Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa unsur sejarah yang terkandung dalam cerita ini mengandungi nilai merendah diri boleh dijadikan panduan dan sesuai dengan matlamat untuk membentuk jati diri golongan kanak-kanak.

Sehubungan itu, pengaplikasian teori Takmilah melalui prinsip hubungan khalayak dan karya yang menekankan aspek potensi karya sastera yang mampu mendidik khalayak ke arah lebih baik. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) prinsip ini menuntut sesebuah karya sastera mengandungi unsur pendidikan Islam yang boleh membentuk khalayak ke arah insan Kamil dengan menerapkan unsur pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Misalnya, nilai merendah diri digarapkan dalam cerita rakyat Melayu ini melalui watak Tok Wi yang sentiasa bersederhana dan merendah diri dengan setiap penduduk kampung walaupun umum mengakui kehebatan dirinya dalam menyembuhkan penyakit. Hal ini sekali gus mendidik golongan kanak-kanak supaya sentiasa mengamalkan nilai merendah diri dalam kehidupan dan dapat mendorong pembentukan jati diri kanak-kanak yang lebih unggul. Jelaslah bahawa cerita rakyat Melayu ini mencapai kriteria yang dituntut dalam prinsip ini iaitu mendidik jati diri khalayak yakni kanak-kanak menjadi lebih baik.

Unsur Sejarah Yang Mengandungi Nilai Beriman

Menurut Noordin Hassan (1981) beriman kepada Allah SWT adalah sebagai tanda umat Islam bersyukur kepada Allah SWT. Selain itu, Nilai beriman kepada Allah SWT menunjukkan Islam adalah pedoman hidup dan jalan keselamatan yang dapat menjadi pedoman manusia untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat (Syahrin Harahap, 2016). Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Idrus (2006) menyatakan bahawa beriman dalam agama Islam adalah beriman terhadap kewujudan tuhan iaitu Allah SWT. Berdasarkan pendapat para pengkaji di atas, dapat dirumuskan bahawa beriman kepada tuhan khususnya Allah SWT bagi umat Islam harus sentiasa dipupuk dan dipelihara supaya kehidupan menjadi lebih teratur. Nilai beriman digarapkan ke dalam cerita rakyat Melayu yang bertajuk Perkembangan Ilmu Islam di Kelantan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

“Namun, masyarakat Melayu yang telah mengalami perubahan struktur kebudayaan dalam penerimaan agama Islam. Kebudayaan dalam permainan teri itu masih dimainkan tetapi telah berubah sedikit demi sedikit kerana perubahan pertentangan agama. Dalam agama Islam, menerusi kisah Nabi Sulaiman sendiri, iblis merupakan rakyat dibawah naungannya pada waktu itu. Iblis menurut perintah yang dikeluarkan oleh Nabi Sulaiman diturutinya. Hal ini memberi kesan sedikit sebanyak

kepada permainan teri yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Kelantan pada ketika itu” (Mohd Rawi Jusoh, 2020).

Petikan di atas membuktikan bahawa terkandungnya nilai beriman kepada Allah SWT dalam cerita rakyat Melayu yang berjudul *Perkembangan Ilmu Islam di Kelantan*. Hal ini wujud daripada kisah bidang kebudayaan rakyat negeri Kelantan yang mengalami perubahan setelah berkembangnya Islam di negeri itu. Misalnya, kebudayaan permainan teri yang mengalami perubahan sedikit demi sedikit dalam aspek upacara dan peraturan permainan. Namun begitu, permainan teri tetap dikekalkan dengan syarat perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam dihentikan. Tambahan lagi, permainan teri melibatkan iman seseorang supaya tidak terpesong daripada ajaran Islam. Oleh itu, cerita rakyat Melayu ini menerapkan nilai beriman melalui kisah perubahan cara permainan teri supaya sesuai dengan ajaran Islam.

Hal ini selaras dengan kenyataan Noordin Hassan (1983) yang menyatakan bahawa beriman kepada Allah SWT adalah fitrah bagi umat Islam untuk mencari keredhaan Allah SWT. Kenyataan ini ditegaskan oleh Muhammad Idrus (2006) yang menegaskan bahawa nilai beriman adalah seseorang yang mempunyai keyakinan yang teguh terhadap kekuasaan Allah SWT tanpa sedikit rasa ragu. Berdasarkan kenyataan para ilmuwan, nilai beriman dapat dirumuskan bahawa salah satu nilai yang wajib diamalkan oleh setiap orang Mukmin supaya tidak mensyirikkan Allah SWT.

Sementara itu, unsur sejarah dalam karya sastera seperti cerita rakyat Melayu menggambarkan zaman silam dan mengandungi peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku pada zaman lampau (Rosliah Kitting, 2013). Hal ini bersangkut-paut dengan cerita *Perkembangan Ilmu Islam di Kelantan* yang menggambarkan kisah perkembangan Islam yang diserap oleh rakyat Kelantan sehingga mengubah struktur kebudayaan seperti perubahan cara permainan teri kepada bentuk yang lebih menjurus ke arah ajaran Islam sebagai tanda beriman kepada Allah SWT. Hal ini menunjukkan unsur sejarah juga menerapkan nilai positif seperti nilai beriman kepada Allah SWT dan sesuai dijadikan panduan kepada khalayak khususnya golongan kanak-kanak. Oleh itu, unsur sejarah yang digarapkan dalam cerita ini berhasil menyampaikan nilai beriman yang dapat membantu pembentukan jati diri kanak-kanak.

Selanjutnya, teori Takmilah berdasarkan prinsip hubungan di antara karya dengan khalayak dilihat amat sesuai untuk dihuraikan dalam analisis ini. Karya yang memiliki unsur mendidik memainkan peranan yang penting dalam membentuk masyarakat ke arah insan Kamil sesuai dengan tuntutan dalam prinsip Takmilah (Shafei Abu Bakar, 1997). Hal ini dapat diperincikan dalam cerita rakyat Melayu ini yang menekankan nilai beriman dalam penceritaannya mengenai rakyat negeri Kelantan menerima ajaran Islam dan telah mengubah permainan teri sesuai dengan tuntutan Islam. Sebagai contohnya, kisah perubahan yang berlaku terhadap cara permainan teri supaya mengikut syariat Islam. Hal ini menunjukkan nilai beriman kepada Allah SWT sangat penting dalam kalangan masyarakat dan seharusnya diterapkan dari seawal usia kanak-kanak supaya dapat membantu pembentukan jati diri mereka. Justeru, cerita rakyat Melayu ini memenuhi tuntutan prinsip Takmilah ini dengan menyampaikan cerita rakyat yang mengandungi nilai beriman sebagai unsur pendidikan kepada khalayak khususnya golongan kanak-kanak.

Unsur Sejarah Yang Mengandung Nilai Berani

Menurut Aboebakar Atjeh (1998), nilai berani adalah jiwa yang kuat dimiliki seseorang dalam mengharungi sesuatu dengan yakin, tabah dan sanggup berjuang bermatian-matian walaupun terpaksa menanggung risiko. Seterusnya, nilai berani merupakan seseorang yang bertindak di atas nama kebenaran dan mempunyai kesanggupan untuk menghadapi sesuatu cabaran (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa nilai berani merujuk kepada seseorang yang memiliki kesanggupan dan tidak takut dengan cabaran serta berpegang teguh dengan kebenaran dan menolak kebatilan. Berdasarkan pandangan para tokoh, nilai berani boleh dirumuskan sebagai sifat yang harus dipupuk dari kecil supaya tidak takut atau gusar untuk menghadapi cabaran yang mendatang dalam kehidupan. Nilai berani dipaparkan dengan jelas dalam cerita rakyat Melayu yang bertajuk Pembunuhan Raja Abdullah menerusi petikan berikut:

“Demi kerana keselamatan rakyat, Puteri Saadong telah mengorbankan dirinya untuk mengikuti Raja Siam pada ketika itu. Puteri Saadong tidak mahu rakyatnya menderita akibat peperangan antara Negeri Kilatan dengan Negeri Bangkok kerana mahu mempertahankannya. Raja Loyor ingin menyelamatkan anaknya lalu telah mengaturkan pertunangan antara Raja Abdullah dengan Puteri Saadong. Maka, bertunanglah Puteri Saadong dengan Raja Abdullah sebelum berangkat ke Bangkok mengikuti Raja Siam” (Mohd Rawi Jusoh, 2020).

Penglipur lara membuktikan nilai berani yang diutarakan dalam cerita rakyat Melayu bertajuk Pembunuhan Raja Abdullah. Hal ini berkait rapat dengan watak Puteri Saadong yang berani mengambil risiko yang besar ke atas dirinya demi keselamatan rakyat. Contohnya, Puteri Saadong mempunyai kesanggupan untuk mengorbankan dirinya mengikuti kehendak Raja Siam berangkat ke negeri Bangkok. Puteri Saadong sanggup melakukan hal ini demi menjamin keamanan rakyatnya daripada peperangan yang tercetus di antara negeri Kelantan dan negeri Bangkok. Justeru, hal ini jelas nilai berani yang dimiliki oleh Puteri Saadong yang digarapkan melalui cerita rakyat Melayu ini.

Hal ini bersangkut-paut dengan pernyataan Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) yang mengemukakan pernyataan bahawa nilai berani adalah seseorang yang memiliki kesanggupan dan hati yang cecal melakukan sesuatu walaupun terpaksa menanggung risiko. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) bahawa nilai berani adalah seseorang yang tidak takut menempuh cabaran dengan berpaksikan kebenaran. Berdasarkan pernyataan para ilmuwan, tidak dapat dinafikan bahawa nilai berani amat penting dalam kehidupan supaya dapat mengatasi sesuatu cabaran dalam hidup tanpa gentar.

Pada waktu yang sama, unsur sejarah dalam karya sastera menurut pandangan Rosliah Kitting (2013) bahawa bentuk penulisan yang menggabungkan unsur sejarah dengan unsur bukan sejarah iaitu sastera. Hal ini dapat dilihat dalam karya sastera seperti cerita rakyat Melayu berjudul Pembunuhan Raja Abdullah yang mengisahkan tentang sejarah Puteri Saadong berkorban untuk rakyat sehingga sanggup menerima pelawaan Raja Siam walaupun baginda mengetahui akan risiko yang bakal dihadapinya. Di samping itu, penceritaan sejarah ini juga wujud unsur nasihat seperti nilai berani yang digambarkan melalui Puteri Saadong yang sepatutnya dicontohi oleh sesiapa sahaja terutamanya golongan kanak-kanak. Jelaslah bahawa,

unsur sejarah dalam cerita ini membawa nilai berani dan perlu dijadikan ikutan kepada pembentukan jati diri kanak-kanak.

Dalam pada itu, prinsip Takmilah dapat digarap melalui prinsip hubungan khalayak dengan bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna). Menurut Shafie Abu Bakar (1997), pengolah cerita rakyat atau karya sastra harus berperanan sebagai pencetus dalam membawa khalayak untuk memikirkan tentang kebesaran Allah SWT dapat mengatasi keangkuhan diri supaya dapat membentuk masyarakat yang unggul. Sebagai contohnya, watak Puteri Saadong yang berani menyerahkan dirinya kepada Raja Siam yang kejam demi keselamatan rakyatnya. Hal ini sewajarnya diambil teladan oleh golongan kanak-kanak supaya menjadi berani untuk mempertahankan maruah dan menegakkan kebenaran. Jadi, cerita rakyat ini menggarapkan nilai berani dengan baik dan boleh dijadikan medium pembentukan jati diri kepada kanak-kanak untuk sentiasa mengamalkan nilai berani dalam kehidupan.

Unsur Sejarah Yang Mengandungi Nilai Belas Kasihan

Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), belas kasihan ditakrifkan sebagai perasaan sedih dan hiba yang timbul dalam hati seseorang ketika melihat penderitaan orang lain dan bersedia untuk membantu org tersebut. Selain itu, Kamus Dewan (2016) mendefinisikan perkataan 'belas' membawa erti hiba, turut bersedih dan kasih. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa nilai belas kasihan merupakan kesan emosi dalam diri seseorang untuk berasa hiba dan sedih serta ingin memberi pertolongan kepada insan-insan yang berada dalam kesusahan. Berdasarkan pendapat para cendekiawan, nilai belas kasihan dapat disimpulkan sebagai suatu perasaan yang lembut, halus dan penuh kasih yang timbul dari dalam hati seseorang apabila melihat kesusahan dan penderitaan orang lain serta mempunyai keinginan untuk menghulurkan pertolongan kepada orang tersebut. Nilai belas kasihan dapat diperlihatkan melalui cerita rakyat Melayu yang bertajuk Pendudukan Jepun di Bukit Marak menerusi petikan berikut:

“Cerita itu tersebar secara meluas dan membuatkan masyarakat lebih takut untuk bertembung dengan tentera Jepun. Apabila mereka ternampak tentera Jepun, penduduk akan menyembunyikan diri untuk menyelamatkan diri. Hal ini kerana jika tidak mampu menuruti kata-kata tentera Jepun, mereka akan dipenggal kepalanya. Kepada anak-anak muda juga, ibu bapa mereka akan menasihati supaya tidak keluar rumah dan segera bersembunyi apabila melihat kelibat tentera Jepun. Begitulah kehidupan mereka yang sering diselubungi perasaan takut apabila berhadapan dengan tentera Jepun” (Mohd Rawi Jusoh, 2020).

Petikan di atas membuktikan nilai belas kasihan yang diterapkan ke dalam cerita rakyat Melayu bertajuk Pendudukan Jepun di Bukit Marak. Hal ini merujuk kepada penderitaan yang dialami oleh penduduk kampung Bukit Marak ketika penjajahan Jepun. Misalnya, ketakutan penduduk kampung terhadap tentera Jepun kerana takut tidak dapat melaksanakan suruhan tentera Jepun mereka akan dipancung tanpa belas kasihan. Tambahan lagi, penduduk kampung rela bersembunyi di dalam rumah apabila melihat kelibat tentera Jepun. Hal ini jelas menunjukkan kepentingan nilai belas kasihan dalam kehidupan manusia supaya tidak berlaku sebarang pertumpahan darah dan kekejaman. Jadi, cerita rakyat Melayu ini sememangnya menggambarkan kepentingan pengamalan nilai belas kasihan dalam kehidupan seharian.

Hal ini sejajar dengan pandangan tokoh Mohd Ali Hashimi (1992) yang berpandangan bahawa nilai belas ehsan adalah rasa kasih dan sedih melihat penderitaan orang lain dan segera membantu mereka yang dalam kesusahan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai belas kasihan merupakan seseorang yang prihatin terhadap penderitaan dan kesusahan dan berasa sedih sekiranya tidak dapat menghulurkan pertolongan. Berdasarkan pandangan para tokoh, nilai belas kasihan seharusnya dijadikan amalan yang mulia dalam kehidupan seharian.

Menurut Rosliah Kitting (2013), unsur sejarah dalam karya sastera juga membawa makna yang tersirat seperti pengajara, nasihat, teladan dan panduan kepada khalayak. Hal ini berkait rapat dengan cerita pendudukan Jepun di Bukit Marak yang mengisahkan sejarah kekejaman Jepun terhadap penduduk kampung Bukit Marak sehingga ada peristiwa dikisahkan mengenai hukuman pancung kepala sekiranya tidak menurut arahan tentera Jepun. Hal ini menimbulkan kesedaran kepada khalayak mengenai kepentingan mengamalkan nilai belas kasihan supaya tidak berlaku kekejaman. Justeru itu, unsur sejarah mengenai pendudukan Jepun ini dapat mengajar golongan kanak-kanak supaya sentiasa memiliki nilai belas kasihan sesama manusia sekali gus membentuk jati diri kanak-kanak yang mantap.

Dalam pada itu, huraian yang berlandaskan prinsip Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak memberi lebih pencerahan mengenai unsur pendidikan dalam sesebuah karya sastera terhadap khalayak pembaca (Shafie Abu Bakar, 1997). Tamsilnya, kisah yang diceritakan mengenai kekejaman Jepun di kampung Bukit Marak jelas menunjukkan kepentingan nilai belas kasihan supaya dapat mengelakkan berlakunya kekejaman dan penderitaan. Hal ini wajar diterapkan ke dalam hiwa kanak-kanak supaya mengamalkan nilai belas kasihan sesama manusia dan dapat mengelakkan persengketaan. Oleh yang demikian, nilai belas kasihan yang digarapkan dalam cerita rakyat Melayu ini merupakan mesej yang baik dan dapat mendidik masyarakat terutama golongan kanak-kanak dalam membentuk jati diri yang unggul.

KESIMPULAN

Natijahnya, penelitian terhadap unsur sejarah yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu sememangnya berpotensi untuk dijadikan asas pembentukan jati diri kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, nilai-nilai positif yang terkandung di dalamnya terbukti menerusi penelitian berpandukan pendapat-pendapat para tokoh. Tambahan lagi, prinsip Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya membuktikan wujudnya jalinan antara unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu dengan kanak-kanak melalui nilai positif yang dikenalpasti. Hal ini demikian kerana, prinsip ini menekankan aspek hubung kait antara unsur sejarah dan nilai positif dengan kanak-kanak, malahan memberi kesedaran kepada khalayak iaitu kanak-kanak untuk mengamalkan nilai positif yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu sekali gus membentuk jati diri yang mantap dan jitu. Oleh itu, kajian ini dapat menjelaskan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan unsur sejarah yang diselitkan nilai positif dan seterusnya boleh dijadikan ikutan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak ke arah lebih baik.

PENGHARGAAN

Makalah/artikel ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh. (1998). *Akhlak dalam Islam*. Edisi Ketiga. Pustaka Alam.
- Achmad D. Marimba. (1981). *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Penerbit Al-Maruf.
- Dundes, A. (1965). *The Story of Folklore*, Prentice-Hall.
- Fatimah Yassin. (1990, 11-12 Mei). Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan. Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. *Dialog Kesusasteraan* (Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin & Zahir Ahmad, Eds.) Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumali Selamat. (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, *Jurnal Kajian Malaysia*. 40(2).
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Taib Osman. (1976). Pendokumentasian Sastera Rakyat dan Sastera Daerah Malaysia. *Dewan Sastera*. 7, 39-41.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 10(2), 48-56.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20(1), 79-92.
- Muhammad Idrus. (2006). Keraguan Kepada Tuhan Pada Remaja. *Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*. 11(21), 27-36.
- Noordin Hassan. Teater Fitrah. *Dewan Sastera*. Jilid XIII Bil. 9. September 1983: 3-6.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 18 -29.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*. 2(6), 78-87.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.

- Rosliah Kitting. (2013, 29-30 Ogos). Unsur-unsur Sejarah dalam Sudawil (Pantun) Kadazandusun. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*. Universiti Malaysia Sabah.
- Shafei Abu Bakar. (1997). *Estetika dan Takmilah* dlm. Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera. Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Shafie Abu Bakar. (1996). *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip*. Dewan Sastera. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syahrin Harahap. (2016). *Islam Agama Syumul: Membangun Muslim Komprehensif*. Ilham Books.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140.
- Wan Marzuki Wan Mohd Noor. (2010). *Nilai Murni dalam Novel Imam*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zahir Ahmad (2005). Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya dan Pensejarahan Melayu dlm *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 16, 241-254.